



SIARAN MEDIA

YB MENTERI SUMBANGKAN SEBULAN GAJI SEBAGAI PENGHARGAAN ATAS KEJAYAAN KPKT MERANGKUL ANUGERAH PEMBANGUNAN NEGARA (APN) TAHUN 2024

KUALA LUMPUR, 15 November 2024 – YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming hari ini menyumbangkan satu bulan gaji di atas kejayaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) **mengungguli empat (4) anugerah termasuk Penerima Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2024** sempena Majlis Anugerah Pembangunan Negara (APN) Tahun 2024 yang berlangsung di Movenpick Convention Centre, KLIA, Sepang pada 12 November 2024 baru-baru ini.

Anugerah telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar kepada Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib. Anugerah Pembangunan Negara ini dianugerahkan kepada kementerian yang berjaya mencapai prestasi cemerlang dalam pelaksanaan *Industrialised Building System* (IBS), pengurusan program/ projek pembangunan dan penilaian *outcome*.

KPKT secara keseluruhannya telah menerima penganugerahan di bawah kategori seperti berikut:

- i. **Anugerah Pembangunan Negara 2024**
- ii. **Tempat Pertama Anugerah Pengurusan *Industrialised Building System* (IBS) Terbaik Peruntukan di atas RM1 Bilion**
 - Mengiktiraf aspek amalan dan pengurusan IBS dalam projek-projek binaan awam.
- iii. **Tempat Pertama Anugerah Penilaian Outcome Kementerian Berprestasi Tinggi**
 - Merupakan pengiktirafan kepada kementerian dan agensi yang telah menunjukkan prestasi tinggi dalam penilaian outcome program/projek yang telah disiapkan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan; dan

iv. **Anugerah Khas Penilaian Outcome Pencapaian Konsisten**

- Ia mengiktiraf daya usaha berterusan Kementerian mengekalkan pencapaian penilaian *outcome* di tahap prestasi tinggi iaitu melebihi 90 peratus bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.

Kejayaan ini merupakan suatu pengiktirafan besar dan penghargaan atas kesungguhan serta komitmen KPKT dalam memastikan projek-projek pembangunan yang dirancang dapat disiapkan dan memberi manfaat kepada golongan sasaran. Projek-projek pembangunan ini dinilai dan berjaya memberikan *outcome* positif dalam mempertingkatkan kualiti hidup rakyat melalui pembangunan yang inklusif, berdaya tahan dan mampan.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming, “Kejayaan yang diraih ini adalah hasil kerja keras seluruh warga KPKT yang tekun bekerja, berbakti dan berjasa. Teruskan usaha murni ini, harumkan nama negara kita. Angkat darjat dan martabat rakyat serta negara.”

Turut hadir ialah Timbalan Menteri, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain; Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), Tuan Haji Suhaimi bin Ali@Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampanan dan Perancangan Strategik, Datuk Saidatu Akhma binti Hassan; Setiausaha Bahagian Pembangunan, En. Hisham Azlin bin Zainun serta barisan Pengurusan Tertinggi KPKT.

Kejayaan ini merupakan hasil usaha berterusan KPKT dalam merancang dan melaksanakan projek-projek yang memberikan impak positif dalam memenuhi keperluan masyarakat. Diharapkan ia akan menjadi dorongan dan suntikan semangat kepada seluruh Keluarga KPKT dalam meneruskan kecemerlangan demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my